

Duti import 171 barang dikurang hingga 25 peratus.

UM 20 OCT 2001
KUALA LUMPUR 19 Okt.

— Belanjawan 2002 mencadangkan duti import ke atas 171 barang termasuk barang perantaraan dikurangkan kepada kosong hingga 25 peratus.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, barangan yang terbahit termasuklah projektor multimedia, mesin menjawab telefon, komponen perabot dan kertas fotografi yang selama ini dikenakan duti import di antara lima peratus dan 35 peratus.

“Sebagai langkah seterusnya untuk mengurangkan kos dan meningkatkan daya saing, saya mencadangkan duti import ke atas 55 jenis barangan yang telah lama dilindungi dikurangkan di antara 20 peratus dan 105 peratus kepada di antara 10 peratus dan 50 peratus,” katanya pada pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, antara barangan yang terlibat adalah minuman ringan, fabrik tenun, renda dan selimut.

Di samping itu juga, bagi mengurangkan kos perniagaan kepada syarikat perikanan di Malaysia, Dr. Mahathir mencadangkan pendapatan sewa kontena yang mencapai piawai antarabangsa yang diterima oleh bukan pemastautin daripada syarikat perkapalan di Malaysia dikesualikan daripada cukai pendapatan.